

**Sultan Pahang Rasmi Kompleks Mahkamah Kuantan
Bernama
27 Mei, 2013**

KUANTAN, 27 Mei (Bernama) -- Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah berkenan merasmikan Kompleks Mahkamah Kuantan di Bandar Indera Mahkota di sini yang menelan belanja RM159 juta.

Kompleks mahkamah yang beroperasi sejak 23 Julai 2012 itu dibina di tanah seluas 94,000 meter persegi menempatkan 23 bilik perbicaraan meliputi Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret.

Kompleks itu turut dilengkapi bilik sokongan seperti ruang pejabat, perpustakaan, bilik fail dan bilik mesyuarat dan 800 tempat meletak kereta.

Sultan Ahmad Shah, dalam titah baginda berharap mahkamah itu akan meneruskan kecemerlangan keadilan yang dipamer sebelum ini demi kesejahteraan negara.

"Proses memastikan kelangsungan keadilan perlu dipertingkatkan bagi memastikan rakyat mendapat manfaat," titah baginda.

Turut hadir Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Nancy Shukri dan Ketua Hakim Negara Tun Arifin Zakaria.

Sultan Ahmad Shah bertitah pembinaan kompleks itu merupakan petanda kemakmuran dan kesejahteraan yang dikecapi negara.

"Saya amat sukacita melihat pelaksanaan satu lagi projek kemakmuran di negeri Pahang yang mana dapat memperluas kemudahan kepada rakyat dalam sistem kehakiman.

"Saya merakamkan ucapan tahniah kepada kerajaan negeri kerana memastikan pelaksanaan projek ini, dan kepada Jabatan Perdana Menteri yang telah melihat keperluan rakyat saya," titah baginda.

Baginda juga berharap kewujudan kompleks itu akan membolehkan masyarakat sekitar menikmati penyampaian perkhidmatan kehakiman yang jauh lebih baik berbanding sebelum ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=952239>